

D357

U B922 AAB
MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 23 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA UMNO BARU PERLU MENGUMPULKAN SEMULA BEKAS ANGGOTA UMNO LAMA DI SAMPING MENARIK KEANGGOTAAN DARIPADA GOLONGAN PROFESIONAL YANG PADA MASA INI BERKURANGAN, DALAM USAHANYA MENJADIKAN PARTI ITU KUAT.

PERDANA MENTERI BERKATA, HANYA MELALUI CARA ITU SAHAJA DAPAT MENJAMIN KEUTUHAN PARTI UNTUK BERJUANG MEMBELA NASIB SERTA MEMBERI MANFAAT KEPADA BANGSA MELAYU.

BERUCAP PADA PERJUMPAAN DENGAN ANGGOTA JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JKKK) SELURUH NEGERI TERENGGANU DI STADIUM NEGERI DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA PADA MASA INI PARTI ITU SERBA KEKURANGAN DAN YANG ADA HANYA KUASA POLITIK.

+KALAU KEHILANGAN KUASA POLITIK ITU, ORANG MELAYU AKAN RUGI. KERANA ITU ADALAH SANGAT PENTING KITA KUATKAN PARTI DENGAN MENCANTUMKAN SEMULA SEGALA TENAGA SUPAYA DAPAT DIWUJUDKAN PARTI YANG BOLEH MEMBELA NASIB BANGSA MELAYU,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA BANGSA MELAYU PERLU BERSATU DARI SEKARANG UNTUK MEREbut PELUANG YANG ADA KERANA KEDUDUKAN EKONOMI YANG SEMAKIN BAIK.

-- LAGI.

1927MST 23 06 88

D360

U B924 AAB
MAHATHIR 2 KUALA TERENGGANU

KATANYA, HARGA KOMODITI NEGARA SEPERTI GETAH DAN KELAPA BAWIT SEMAKIN MENINGKAT KE HARGA YANG TINGGI YANG TIDAK PERNAH DIRABAI SEBELUM INI.

PERDANA MENTERI KESAL KERANA ADANYA GOLONGAN TERTENTU YANG BERUSAHA MEMBURUK-BURUKKAN IMEJ NEGARA DAN KERAJAAN DI LUAR NEGERI SEMATA-MATA KERANA BENCI TERHADAP PUCUK PIMPINAN YANG ADA.

KATANYA, GOLONGAN INI SANGGUP PERGI KE LUAR NEGERI DAN MENYEBARKAN KEPADA ANGGOTA PARLIMEN DARI BRITAIN KONONNYA MALAYSIA SEKARANG DIPERINTAH OLEH DIKTATOR DAN POLIS.

BELIAU BERKATA PERBUATAN MEREKA ITU SEDIKIT SEBANYAK MENAKUTKAN PELABUR ASING YANG SEBELUM INI MENUNJUKKAN MINAT UNTUK MENANAM MODAL DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PARA PEMIMPIN KERAJAAN SERTA UMNO SENTIASA MENGAMALKAN DEMOKRASI KERANA IA MENGHORMATI PRINSIP SISTEM ITU YANG MENGUTAMAKAN SUARA RAMAI. -- LAGI.

1933MST 23 06 88

D371

U B927 AAB
MAHATHIR 3 KUALA TERENGGANU

BELIAU KESAL KERANA WALAUPUN NEGARA TELAH BEGITU LAMA MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI NAMUN MASIH ADA YANG TIDAK MAHU MENGHORMATI SUARA RAMAI.

KATANYA, PERBUATAN +KUMPULAN 11+ YANG MENYEBABKAN UMNO DIISYTIHAR SEBAGAI PERTUBUHAN HARAM OLEH MAHKAMAH JELAS MENUNJUKKAN MEREKA TIDAK MENGHORMATI KEPUTUSAN MAJORITI ANGGOTA UMNO PADA PERHIMPUNAN AGUNG TAHUN LEPAS.

PERDANA MENTERI BERKATA, KUMPULAN ITU YANG DIDALANGI OLEH ORANG TERTENTU, PADA MASA INI MENYEBARKAN DAKYAH MENYALAHKAN MENTERI DALAM NEGERI KERANA TIDAK MENGGUNAKAN KUASANYA UNTUK CAMPURTANGAN SEMASA PERBICARAAN DIJALANKAN.

BELIAU BERKATA GOLONGAN ITU JUGA MENDAKWA MEREKA TIDAK +MEMBUNUH+ UMNO TETAPI MENYALAHKAN ORANG LAIN DI ATAS KECELAKAAN YANG MENIMPA PARTI ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, GOLONGAN ITU SEKARANG SEDANG BERUSAHA MENGHIDUPKAN SEMULA UMNO DAN ADA PULA PIHAK YANG HENDAK MEMBAWA USUL DALAM DEWAN RAKYAT UNTUK MEMAKSA KERAJAAN MENGHIDUPKAN SEMULA PARTI UMNO. -- LAGI

1953MST 23 06 88

D373

U B928 AAB
MAHATHIR 4 KUALA TERENGGANU

PERDANA MENTERI BERKATA USAHA GOLONGAN ITU ADALAH SIA-SIA DAN MUSTAHIL KERANA KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI KUASA UNTUK MENGHIDUPKAN UMNO YANG TELAH DIHARAMKAN.

MENGENAI ANGGOTA JKKK, BELIAU BERKATA SEBAGAI PEMIMPIN DI PERINGKAT KAMPUNG, MEREKA HARUS MEMAHAMI KEADAAN YANG SEBENAR DAN JANGAN MUDAH TERPENGARUH DENGAN DAKYAH-DAKYAH YANG DISEBARKAN OLEH GOLONGAN ITU.

BELIAU MEMINTA MEREKA SUPAYA BERWASPADA TERHADAP TINDAK-TANDUK JAHAT GOLONGAN ITU YANG SANGGUP MEMBERI WANG UNTUK MENCAPAI MATLAMAT MEREKA.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR, DATUK HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR YUSOF NOOR DAN TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, DATUK ALIAS ALI.

KIRA-KIRA 10,000 ANGGOTA JKKK, TERMASUK KETUA-KETUA KAMPUNG DARI SELURUH TERENGGANU MENGHADIRI PERJUMPAAN ITU. -- BERNAMA

1956MST 23 06 88